



## **TEKS UCAPTAMA**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN  
YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**28 JANUARI 2022 (JUMAAT)**

**DEWAN SAKSAMA, ARAS 2, BHEUU**

**9.30 PAGI**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Terima kasih saudara/saudari pengerusi majlis.

**Assalamualaikum   Warrahmatullahi   Wabarakatuh   dan   Salam  
Sejahtera.**

Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Parlimen dan Undang-undang)

Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir  
Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang  
Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan Ketua-ketua Jabatan serta  
semua hadirin yang dimuliakan.

## **Mukadimah**

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas keizinan-Nya jua kita masih dikurniakan kesihatan yang baik untuk bersama-sama berkumpul pada hari yang penuh keberkatan ini. Di kesempatan ini belum terlambat rasanya untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 serta merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih atas jasa bakti Yang Berbahagia Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan selama ini dalam memastikan segala program dan agenda Kerajaan di bawah Kluster Parlimen dan Undang-undang dapat dilaksanakan dengan cemerlang dalam suasana norma baharu. Saya yakin kita telahpun dapat menyesuaikan diri dengan norma baharu dalam kehidupan dan pelaksanaan tugas sehari-hari kita.
  
2. Sejak awal tahun 2020 hingga kini kita masih diuji dengan cabaran menangani pandemik COVID-19. Begitu juga kita diuji sekali lagi dengan musibah banjir yang menyebabkan kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa. Marilah kita sama-sama berdoa semoga tahun 2022 yang baharu sahaja membuka tirainya ini akan membawa bersama rahmat, kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat serta negara kita dilindungi dari segala bencana dan musibah.

3. Sejak saya menerajui portfolio Parlimen dan Undang-undang, kita telah diberi tanggungjawab besar untuk menjayakan Agenda Transformasi Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob. Saya difahamkan majlis kita pada hari ini menghimpunkan warga 13 Jabatan dan Agensi di bawah portfolio saya di mana pada hemat saya ia bertepatan dengan konsep "Keluarga Malaysia" yang menjadi mantera Kerajaan pada ketika ini. Konsep "keluarga" bukan sahaja boleh diterjemahkan dalam konteks masyarakat, malah boleh diaplikasikan dalam sesebuah organisasi, Jabatan, Agensi dan Kementerian.

## **Pencapaian Tahun 2021**

**Hadirin yang saya hormati,**

4. Mengimbas kembali tahun 2021, ia telah menyaksikan pencapaian Jabatan dan Agensi di bawah Kluster Parlimen dan Undang-undang yang amat memberangsangkan. **Menurut kajian yang dilaksanakan oleh badan penyelidik bebas, Ilham Centre dan O2 Research, Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) merupakan antara lima kementerian yang paling cemerlang** dalam penilaian prestasi 100 hari kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail

Sabri bin Yaakob. Menjadi harapan saya agar kita dapat mengekalkan kecemerlangan ini atau lebih baik lagi pada tahun ini. Di sini saya mengambil kesempatan ini merakamkan setulus penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang ke arah kecemerlangan ini.

5. Parlimen pada tahun 2021 telah pun meluluskan beberapa undang-undang penting selain Rang Undang-undang berhubung Belanjawan Tahunan. Tentunya yang paling utama ialah pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. **Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2021 telah diluluskan dengan majoriti 2/3 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara** pada penghujung tahun lalu. Melalui pindaan ini, Perjanjian Malaysia 1963 yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak telah diberi pengiktirafan dan telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Berkat usaha gigih semua pihak, kita berhasil menjayakan pindaan Perlembagaan ini dalam jangka waktu yang begitu singkat.

6. Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk mendaulatkan undang-undang, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan pembentukan tiga Jawatankuasa bagi perkara yang berikut:

- i. **Jawatankuasa bagi menyiasat kes kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim** yang saya pengerusikan bersama-sama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
  - ii. **Pasukan Petugas Khas bagi semakan semula undang-undang berkenaan kes Batu Puteh** yang dipengerusikan oleh bekas Peguam Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Mohamed Apandi Ali; dan
  - iii. **Pasukan Petugas Khas siasatan ke atas dakwaan-dakwaan dalam buku bertajuk “My Story: Justice in the Wilderness” tulisan Yang Berbahagia Tan Sri Tommy Thomas, bekas Peguam Negara.** Pasukan petugas ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato Sri Fong Joo Chung, bekas Peguam Besar Sarawak.
7. Terma rujukan, keanggotaan dan peruntukan bagi ketiga-tiga Jawatankuasa/Pasukan Petugas Khas ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021. Selaras dengan mandat yang diberikan oleh Jemaah Menteri supaya ketiga-tiga Jawatankuasa/Pasukan Petugas Khas memberikan syor mereka kepada Kerajaan dalam tempoh enam bulan, maka mesyuarat pertama telah berlangsung pada minggu ketiga

bulan Disember yang lalu dan mesyuarat seterusnya telah pun berlangsung pada bulan ini.

8. Selaras dengan Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan Pakatan Harapan, kajian awal berhubung cadangan untuk menghadkan tempoh **Jawatan Perdana Menteri Kepada 10 Tahun dan Undang-undang Anti Lompat Parti** telah dibentangkan dalam sesi libat urus saya bersama pemimpin semua parti politik pada 22 Disember 2021. Draf awal kerangka pindaan Perlembagaan berhubung perkara ini kini sedang dalam penelitian pemimpin semua parti politik.

9. Selaras dengan komitmen kerajaan untuk mempertingkatkan prasarana dan kemudahan Mahkamah, sebanyak **RM27.9 juta telah dibelanjakan untuk kerja naiktaraf, ubahsuai dan pemuliharaan bangunan Mahkamah di seluruh negara** pada tahun 2021. **Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis telah siap pembinaannya dengan kos sebanyak RM29.9 juta** dan majlis penyerahan rasmi telah diadakan pada 16 Disember 2021. Kompleks ini menjadi satu lagi bangunan ikonik baharu yang mewarnai landskap Negeri Perlis.

10. Sesuai dengan peranan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) yang bertanggungjawab sebagai sebuah badan bebas bagi pemilihan calon untuk tujuan pelantikan Hakim Mahkamah Atasan, tahun 2021 menyaksikan **pelantikan 10 orang Pesuruhjaya Kehakiman dan 5 orang Hakim Mahkamah Rayuan**. Sistem e-JC iaitu sistem permohonan jawatan Pesuruhajaya Kehakiman telah beroperasi secara *go live* sepenuhnya pada suku pertama tahun 2021.

11. Untuk memberi akses kepada keadilan terutamanya dalam suasana norma baharu sesuai dengan pendekatan yang telah diambil bagi menangani COVID-19, pihak Mahkamah telahpun mengeluarkan beberapa arahan bagi mempermudahkan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh. Dengan itu kehadiran secara fizikal pihak-pihak (*parties*), banduan atau saksi untuk memberi keterangan dalam Mahkamah dalam keadaan tertentu boleh dikecualikan dan dilaksanakan secara dalam talian. Di samping itu, penyerahan dan pemfailan (*service and filing*) dokumen Mahkamah juga boleh dilakukan secara dalam talian dan konsep perbicaraan tanpa kertas atau *paperless trial* telah menjadi norma baharu.

12. Selaras dengan usaha untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme dan disiplin profesi peguam, **Rang Undang-undang**

**Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2021 telah diluluskan oleh Parlimen. Akta pindaan ini mula berkuatkuasa pada 10 Januari 2022.**

13. Bagi tahun 2021, **seramai 10,982 orang bankrap telah dapat dilepaskan menerusi Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi, manakala aset yang dapat dihasilkan bagi kes kebankrapan adalah bernilai sebanyak RM210.9 juta** yang telah dapat diagihkan kepada pemutang untuk pembayaran dividennya. Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) juga telah menerbitkan buku **Rujukan Pantas Insolvensi** yang saya lancarkan sempena hari Aspirasi Keluarga Malaysia pada 9 Disember 2021 yang lalu. Buku ini merupakan garis panduan kepada orang awam untuk memahami peranan Mdl, prosedur pentadbiran kes kebankrapan, penggulungan syarikat, pertubuhan dan kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya serta turut memuatkan penghakiman terkini agar dapat meningkatkan kesedaran dan usaha rakyat yang insolven untuk segera menyelesaikan masalah keberhutangan.

14. Pada tahun lalu juga, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah memudahkan urusan dengan orang awam terutamanya ketika penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melalui **perkhidmatan secara dalam talian melibatkan khidmat nasihat guaman dan perkhidmatan pengantaraan serta pengendalian kes di**

**Mahkamah, tertakluk kepada kesediaan pelanggan.** JBG juga berjaya menerbitkan buku berjudul “**Jabatan Bantuan Guaman: Transformasi Bantuan Guaman 5 Dekad (1970-2020)**” sempena ulangtahun penubuhannya yang ke-50.

15. Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) telah mewakili golongan masyarakat yang berada dalam kesusahan dan berdepan dengan tindakan jenayah melalui perwakilan peguam di Mahkamah secara fizikal mahupun teknologi komunikasi jarak jauh. Untuk memastikan prinsip keadilan ditegakkan, pada tahun 2021 **YBGK juga telah memanjangkan bantuan guaman kepada pesalah-pesalah yang mengengkari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).**

16. Bercakap tentang penyelesaian di luar konteks Mahkamah, penyelesaian pertikaian alternatif (*Alternative Dispute Resolution*) semakin mendapat tempat terutamanya di kalangan sektor korporat. Pada tahun lalu, Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC) telah memperkenalkan produk perkhidmatan melibatkan mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif serta jalinan kerjasama dengan institusi timbang tara luar negara.

17. Saya telah melancarkan Kaedah-kaedah Timbang Tara-i AIAC 2021 (*i-Arbitration Rules 2021*) pada 1 November 2021. Kaedah-kaedah Timbang Tara-i yang mula diperkenalkan pada tahun 2007 telah berupaya memperkenalkan penyelesaian melalui timbang tara bagi pertikaian kewangan dan perbankan Islam. Di samping itu, kaedah-kaedah Timbang Tara AIAC 2021 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2021 pula merupakan Kaedah-kaedah Timbang Tara yang komprehensif, mantap dan setanding dengan peraturan timbang tara antarabangsa terbaik di dunia. **Pengenalan Kaedah-kaedah Timbang Tara AIAC 2021 ini telah meletakkan AIAC sebagai antara organisasi timbang tara yang utama di rantau Asia.**

18. Untuk jalinan kerjasama, AIAC juga telah menandatangani dengan pihak luar bagi memanfaatkan penyelesaian melalui proses timbang tara dalam bidang kewangan di samping sebagai wadah untuk berkongsi ilmu dan pengetahuan berhubung ADR.

19. Sepanjang tahun lalu, Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) telah menerima sebanyak 177 permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan pengantaraan bagi menyelesaikan pertikaian berkenaan obligasi-obligasi kontraktual yang terletak di bawah ruang lingkup Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Akta

829). Berdasarkan statistik sehingga 31 Disember 2021, sebanyak **26** kes pengantaraan telah selesai menjalani proses pengantaraan manakala **2** lagi kes sedang menunggu penyelesaian proses pengantaraan. Kerajaan juga telah bersetuju agar inisiatif pengantaraan di bawah **PMC-19** diteruskan sehingga **22 Oktober 2022**. Di bawah pelanjutan ini, jenis-jenis pertikaian boleh dibuka kepada lebih banyak kategori dan tidak terhad kepada hanya sembilan (9) kategori yang ditetapkan sebelum ini.

20. Demi meningkatkan kecekapan tadbir urus, **Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP)** telah memantapkan penggunaan ICT serta menambah baik urusan perkhidmatan skim perkhidmatan kehakiman dan perundangan.

21. Dalam usaha meningkatkan keupayaan sumber manusia, **Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)** telah pun melaksanakan platform pembelajaran secara dalam talian dengan lebih luas bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan dengan sewajarnya.

22. Sementara itu, di peringkat serantau, Malaysia menjadi tuan rumah **Mesyuarat Menteri Undang-undang ASEAN Kali Ke 11** yang menjadi

**medan perkongsian isu berkaitan pandemik COVID-19.** Saya selaku pengerusi mesyuarat ini dan Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal perundangan di Malaysia turut berkongsi pengalaman kita dari sudut perundangan dalam menangani kesan COVID-19 terhadap golongan masyarakat yang terjejas.

### **Halatuju Kluster Parlimen dan Undang-undang Tahun 2022**

**Hadirin yang saya hormati.**

23. Telah menjadi kelaziman apabila tiba tahun baharu, kita membina azam baharu untuk dijadikan sebagai arah tuju dan panduan kita. Bagi membolehkan segala apa yang kita rancang ini berjalan dengan lancar, kita memerlukan sebuah organisasi yang kukuh. Untuk itu, **saya mencadangkan supaya Kementerian Undang-undang diwujudkan dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) sebagai organisasi teras.** Tentunya ini bukan suatu perkara yang mudah kerana ia memerlukan kerjasama yang jitu dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan. Semua yang hadir pada hari ini perlulah duduk bersama, berbincang dan mengorak langkah bagaimaan hasrat ini dapat direalisasikan. “*A journey of a thousand miles begins with a single step*”.

24. Pada tahun ini di bawah portfolio saya, kita juga telah merancang untuk melaksanakan beberapa tugas penting, di antaranya:

- i. Sebanyak **RM137 juta** telah diluluskan di bawah peruntukan pembangunan BHEUU, JPM di bawah *Rolling Plan* Kedua, Tahun 2022 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM91 juta diperuntukkan bagi projek pembangunan fizikal Mahkamah dan RM41 juta bagi projek pengkomputeran Mahkamah.** Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Sik, Kedah dan Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Pengerang, Johor dijangka bermula pada bulan Februari setelah Surat Setuju Terima (SST) bagi pelantikan kontraktor dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).
  
- ii. Pilihan raya di Malaysia akan mula menggunakan sistem berkaitan had usia kelayakan **mengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik bermula awal tahun ini.** Ia selaras dengan pindaan yang telah dibuat kepada Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan. Pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan juga akan dibentangkan pada sesi Sidang Parlimen pada bulan Mac ini bagi mengecualikan Duli Yang Maha Mulia Raja-

raja Melayu, pewaris tahta dan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri daripada senarai daftar pemilih.

iii. Pada 25 Januari lepas, saya telah memperkenalkan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Transformasi dan Kestabilan Politik bagi memperhalusi undang-undang anti lompat parti. Insya Allah Rang Undang-undang berhubung hal ini akan dapat dibentangkan ke sesi Sidang Parlimen pada bulan Mac 2022 ini.

iv. Bagi reformasi Parlimen, **penggubalan RUU Perkhidmatan Parlimen 2022 dan RUU Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) (Pindaan) 2022 dijangka dibentangkan semasa Sidang Parlimen pada bulan Mac 2022** bagi memastikan kebebasan institusi Parlimen terjamin dan perjalanan mesyuarat di dewan lebih teratur. Dalam usaha reformasi Parlimen ini juga, perubahan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa (JKPK HEA) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 11 Oktober 2021. Sementara itu, cadangan penstrukturkan semula komposisi 10 Jawatankuasa Pilihan Khas masih lagi dalam penelitian Jawatankuasa Dewan.

v. Pada tahun ini juga, **Jabatan Bantuan Guaman (JBG)** bercadang untuk meminda Jadual Kedua dan Jadual Ketiga **Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26]** bagi memperluas bidang kuasa sedia ada merangkumi kes sivil, syariah dan jenayah. Perancangan ini adalah selaras dengan Teras Strategik 1 Pelan Strategik JBG 2019-2023 iaitu memperkasakan perkhidmatan bantuan guaman bagi menjamin akses kepada keadilan. JBG juga sedang merangka usaha ke arah **penubuhan cawangan-cawangan baharu terutamanya di Malaysia Timur** dan **perancangan awal yang akan diteliti termasuk pembukaan cawangan di Tawau, Sabah.** Selain itu, sebanyak **RM5.4** juta telah diperuntukkan bagi tahun 2022 untuk pembangunan **Sistem i-Guaman.**

vi. Dalam pada itu, **Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)** pula mensasarkan 60 peratus warganegara yang ditangkap oleh **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** pada tahun 2022 akan diberikan khidmat nasihat perundangan dan bantuan guaman secara percuma. Bantuan guaman yang disediakan oleh YBGK meliputi semua peringkat kes jenayah seperti tangkapan, reman, permohonan ikat jamin dan pengurangan hukuman Mahkamah kecuali jenayah yang membawa kepada hukuman mati.

vii. Proses pendigitalan Mahkamah akan diteruskan sepanjang tahun 2022 dengan pengenalan beberapa inisiatif seperti **e-Review** (jenayah), **i-Kiosk**, **e-Jamin (fine module)**, **e-Rekod Rayuan dan e-Revision**. Bagi inisiatif sedia ada seperti *Mobile Court* di Mahkamah Sabah dan Sarawak, ia masih diteruskan dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 yang ketat manakala Program Dari Bilik Bicara ke Bilik Darjah (MyC2C) diteruskan secara hibrid. Pengenalan inisiatif yang berteraskan teknologi dan pembangunan serta pengubahsuaian infrastruktur Mahkamah yang mendukung *green initiative* diharap mampu memberi perkhidmatan kehakiman dan akses kepada keadilan yang lebih baik dan selesa, bukan sahaja kepada para peguam dan pemegang taruh malah kepada orang awam secara keseluruhannya.

viii. Fokus utama **Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP)** sepanjang tahun 2022 ialah menambahbaik kaedah pengambilan bagi skim perkhidmatan **Pegawai Undang-undang** selaras dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan penjawat awam berprestasi tinggi. Ia juga sejajar dengan keutamaan Kerajaan yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). SPKP juga akan terus

mengoptimumkan penggunaan sistem ICT dan teknologi dalam semua urusan.

ix. Pembelajaran berterusan merupakan komponen penting dalam pembangunan kerjaya seseorang hakim. Pelbagai program latihan berimpak tinggi telah dirancang bagi pelaksanaan latihan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) bagi tahun 2022. **Program latihan hakim pada tahun ini akan menumpukan perhatian dalam memperluaskan pengetahuan dan kemahiran perundangan bagi meningkatkan kompetensi membuat keputusan kes serta mendedahkan para hakim kepada pengetahuan dan kemahiran baharu yang mempunyai hubung kait dengan tugas. SPK juga mensasarkan 100% permohonan jawatan Pesuruhajaya Kehakiman dibuat secara dalam talian mulai tahun ini.**

x. Bagi tahun 2022, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah mendapat kelulusan Lembaga Pengurusan untuk menganjurkan sebanyak 96 kursus, bengkel dan seminar iaitu 70 daripadanya diadakan secara bersemuka dan baki 26 lagi dijalankan secara dalam talian. Walau bagaimanapun, seiring dengan perkembangan terkini pandemik COVID-19, **Stesen**

**Kuarantin bagi *Person Under Surveillance* (PUS) di ILKAP telah diaktifkan semula berkuat kuasa pada 3 Januari 2022 bagi menempatkan jemaah yang pulang daripada menunaikan umrah. Berikutan pengaktifan semula stesen kuarantin ini, ILKAP tidak menganjurkan kursus, bengkel dan seminar secara bersemuka bagi mengurangkan kemasukan pihak luar ke premis ILKAP.**

xi. Dalam usaha menjadikan AIAC destinasi timbang tara yang utama di rantau Asia Pasifik, **AIAC telah merancang untuk mengeluarkan jurnal yang berkisar tentang isu-isu penyelesaian pertikaian alternatif di dalam dan di luar negara serta penubuhan Akademi AIAC (AIAC Academy).** Akademi AIAC yang dilancarkan pada 11 Januari 2022 oleh Timbalan Menteri, Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin merupakan fokus utama AIAC pada tahun 2022 dalam usaha menawarkan kursus, bengkel dan pensijilan yang berkualiti kepada semua golongan termasuk profesional dan bukan profesional. AIAC juga akan terus memberi penekanan kepada kualiti perkhidmatan dalam pengurusan kes timbang tara dan adjudikasi serta meningkatkan promosi melalui aktiviti program kerjasama dan latihan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

xii. Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri yang dahulunya dikenali sebagai Unit Perlindungan Saksi bertanggungjawab **melaksanakan Program Perlindungan Saksi selaras dengan pewartaan Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) pada 30 April 2009**. Justeru, **Bahagian Perlindungan akan terus menggalas tanggungjawab ini dengan berintegriti dan diyakini secara profesional agar dapat menyumbang kepada kelancaran Sistem Pentadbiran Keadilan Jenayah Negara.**

## **Penutup**

**Para hadirin yang saya hormati sekalian,**

25. Besar harapan saya agar segala perancangan Jabatan dan Agensi di bawah Kluster Parlimen dan Undang-undang seperti yang saya sebutkan tadi dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dengan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat, sudah semestinya kita perlu meletakkan keutamaan dan kepentingan rakyat dalam setiap perancangan program yang akan dilaksanakan. Semoga momentum kejayaan tahun lalu dapat diteruskan melalui perancangan dan pelaksanaan yang lebih teliti pada tahun ini. Teruslah istiqamah dan

beriltizam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dengan penuh dedikasi dan berintegriti.

26. Akhir kata, ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan kepada urus setia dan semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis ini. Semoga keluarga besar portfolio Parlimen dan Undang-undang dapat terus memainkan peranan yang signifikan dalam menjayakan agenda transformasi Kerajaan.

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**